

Bumblebee juara bola jaring UMS

KOTA KINABALU: Bumblebee merangkul gelaran juara pada Kejohanan Bola Jaring Terbuka UMS 2015 berlangsung di Kompleks Sukan UMS dekat sini hujung minggu lalu.

Bumblebee menewaskan CTG Keningau dalam perlawanan akhir yang sengit lagi dramatik berkesudahan dengan 15-11 untuk meraih hadiah wang tunai bernilai RM400 sambil CTG Keningau masih boleh tersenyum dengan RM300.

Tempat ketiga disandang oleh pasukan Cougars yang berpesta jaringan membelasah Pradian's menerusi keputusan 23-9 untuk menerima RM250 sambil sebagai saguhati, Pradian's menerima hamper dan sijil penyertaan.

Selain wang tunai, kesemua tiga pasukan terbaik pada kejohanan dua hari itu juga menerima pingat dan sijil.

Untuk kategori lelaki, S'Nato muncul selaku johan diikuti Masculine di tempat kedua, Lufthansa di tempat ketiga, KB Zigas di tempat keempat dan UMS Rival di tempat kelima.

Pemain terbaik wanita disandang oleh Mariana Ajit dari pasukan Bumblebee dan pemain terbaik lelaki disandang oleh Mohammad Hafez Abdul Manap dari pasukan S'Nato.

Kejohanan bersempena Minggu UMS-SPRINT itu dianjurkan oleh Kursus Bola Jaring Universiti Malaysia Sabah Seksyen 2 bertujuan untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswa UMS yang bernaung di bawah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Universiti Malaysia Sabah.

Di samping itu, kejohanan ini turut memberi pendedahan kepada para pelajar tentang cara menguruskan sesuatu acara dan sekaligus meningkatkan semangat kesukanan serta mengeratkan silaturahim.

Sebanyak 23 pasukan wanita dan lima pasukan lelaki termasuk dari daerah Kudat, Sandakan, Keningau, Papar dan sekitar Kota Kinabalu mengambil bahagian untuk kejohanan edisi Ke-2 itu yang mendapat tajaan utama daripada ER Universal Sport.

Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Romizah Binti Minsin selaku penyelia Kejohanan Bola Jaring Terbuka kali ini.